



ANDALUS CORPORATION PTE LTD

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2005

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **SIRAH**

KBK : **5**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **6** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	20	
B	20	
C	20	
D	20	
	80	
Tanda Tangan Pemeriksa _____		
Tanda Tangan Waris _____		

KBK 5 / SIRAH

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Pilih jawapan yang tepat dan isikan di dalam kurungan yang disediakan.

SIRAH

1. Pembesar Quraisy yang paling kuat menentang ajaran Islam ialah _____.
 - a) Abu Lahab
 - b) Abu Talib
 - c) Abu Bakar ()

2. Hari berlakunya peperangan Badar juga dinamakan _____.
 - a) “Yaum Al-Qiyamah”
 - b) “ Yaum Al-Furqan”
 - c) “ Yaum Al-Jum’ah” ()

3. Peperangan Khandak berlaku adalah kerana _____.
 - a) kaum Quraisy hendak menebus kekalahan lalu
 - b) orang Islam hendak menegakkan syiar Islam
 - c) kaum Quraisy merasa telah kuat dan dapat manghapuskan Islam ()

4. Setelah menerima surat Rasulullah s.a.w, ada diantara pembesar-pembesar _____.
 - a) menerima dengan baik dan memberi hadiah
 - b) menerima dengan marah dan mengisytiharkan perang
 - c) mengajak Nabi dan muslimin memeluk agama mereka ()

5. Nabi membenarkan Yahudi Madinah terus mengusahakan tanaman kurma dengan syarat _____.
 - a) orang Islam juga sama-sama mengusahakannya
 - b) orang Yahudi mesti memberikan sebahagian hasilnya kepada orang Islam
 - c) orang Yahudi tidak boleh mengambil sedikit pun dari hasilnya ()

AKHLAK

6. Kita mestilah menepati janji yang kita ucapkan agar tidak tergolong dalam golongan orang _____.
 - a) mubaligh
 - b) musafir
 - c) munafik ()

7. Sifat malas akan merugikan diri sendiri kerana ia akan menyebabkan _____.
- a) kecergasan
 - b) kelemahan
 - c) kemewahan ()
8. Kita mesti bersifat berani demi _____.
- a) menegakkan kebenaran
 - b) melawan penjahat yang bersenjata
 - c) melawan ibubapa ()
9. Akal sihat akan hilang jika kita minum arak kerana ia _____.
- a) menyegarkan
 - b) mengenyangkan
 - c) memabukkan ()
10. Duit hasil judi yang dibelanjakan untuk nafkah keluarga adalah _____.
- a) halal
 - b) haram
 - c) harus ()

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul dan (×) pada jawapan yang salah.

SIRAH

1. Bilal mengalah bila batu besar diletakkan ke atas perutnya. ()
2. Dalam perang Uhud rasulullah s.a.w menempatkan pasukan pemanah di atas bukit. ()
3. Perang Bani Mustalik berlaku di pergunungan bernama Muraisik. ()
4. Dalam perjanjian Hudaibiyah kaum muslimin dibenarkan masuk Mekah dalam tempoh 3 hari. ()
5. Pembesar Mesir Muqauqis adalah antara pembesar yang menerima surat nabi.()

AKHLAK

- 6. Munafik adalah golongan orang yang suka mungkir janji. ()
- 7. Menangguh-nangguhkan kerja adalah perbuatan orang malas. ()
- 8. Kita bersifat berani kerana kita berpangkat besar. ()
- 9. Meminum arak menenangkan fikiran manusia. ()
- 10. Dengan berjudi kita boleh kaya untuk selamanya. ()

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

muslimin	tahanan	harta	hadapan	jenayah
bahaya	tahun	berhenti	dadah	Mekah

SIRAH

Di antara butir-butir perjanjian Hudaibiyah ialah (1)_____ perang selama 10 tahun antara kaum Quraisy dan kaum muslimin. Kaum (2)_____ juga tidak dibenarkan masuk ke (3)_____ pada tahun itu tetapi mereka dibenarkan masuk pada tahun (4)_____ iaitu (5)_____ 7 H dalam tempoh 3 hari sahaja.

AKHLAK

Menghisap (6)_____ adalah lebih besar (7)_____nya kepada kesihatan, (8)_____ dan ada yang akhirnya masuk rumah 9)_____. Tidak kurang pula yang melakukan (10)_____ untuk mendapatkan wang hingga masuk penjara.

BAHAGIAN D (20 MARKAH)

Pilih 5 soalan sahaja daripada 8 soalan berikut, kemudian jawab di tempat kosong yang telah disediakan

SIRAH

1. Bila dan dimanakah berlakunya peperangan Uhud?

2. Berapa ramaikah raja-raja dan pembesar-pembesar yang diseru nabi agar memeluk agama Islam? Sebutkan 2 sahaja.

3. Apakah fitnah yang dilemparkan kepada Saidatina Aisyah r.a ketika perang Bani Mustalik? Benarkah itu?

4. Menurut pendapat kamu mengapakah majikan Bilal bin Rabah menyeksanya di tempat umum, tidak di dalam rumahnya sahaja? Jelaskan.

AKHLAK

5. Apakah yang dimaksudkan dengan bertelek?

6. Sebutkan 2 daripada tanda-tanda orang munafik.

7. Apakah gelaran bagi orang yang suka melengah-lengahkan kerja dan apakah kesannya?

8. Kamu tahu rokok itu makruh, bilakah ia boleh menjadi haram dan sebutkan penyakit yang berpunca darinya.

☞ Semoga Berjaya ☞